

**Sharifah Azizah Pertahan Ketua Wanita Umno Kluang  
Bernama  
12 Oct, 2013**

KLUANG, 12 Okt (Bernama) -- Ketua Wanita Umno Johor Datuk Sharifah Azizah Syed Zain berjaya mempertahankan jawatan Ketua Wanita Umno bahagian Kluang pada pemilihan sayap pergerakan itu.

Sharifah Azizah, 53, yang memimpin Wanita Umno Kluang sejak tahun 1993 mengalahkan Ketua Wanita Umno Cawangan Bunga Raya, Haslina Mohamed Dom dalam pertandingan satu lawan satu pada mesyuarat perwakilan dan pemilihan sayap Umno itu Sabtu.

Sharifah Azizah memperoleh 255 undi manakala Haslina mendapat 68 undi.

Mengulas mengenai kemenangannya, Ketua Wanita Umno Cawangan Rumah Murah 1 itu berkata ia merupakan isyarat untuk dirinya supaya melipat gandakan usaha bagi menghadapi pilihan raya umum ke-14.

"Hasrat saya mahu menyatukan badan bukan kerajaan (NGO) dan peringkat Umno Bahagian Kluang untuk bersama-sama bekerja kerana kita tahu Kluang merupakan kawasan hitam memandangkan kerusi Parlimen Kluang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Mengkibol tewas kepada DAP pada pilihan raya umum, Mei lepas," katanya selepas pemilihan itu.

Pada pemilihan kali ini seramai 315 perwakilan Wanita Umno bahagian Kluang melibatkan 64 cawangan mengundi di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Jalil.

Haslina, 47, berkata beliau akur dengan kekalahan itu dan menyifatkannya sebagai adat pertandingan.

"Keputusan untuk bertanding adalah kehendak saya sendiri dan tidak dipengaruhi mana-mana pihak. Walaupun tewas, saya tetap akan memberikan sokongan tidak berbelah bahagi kepada ketua dan parti demi pembangunan akar umbi," katanya yang bergiat aktif dalam Umno sejak tahun 1989.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985265>